

Anwar: Najib sukar ditandingi, namun yakin BN tidak lebih baik berbanding 2008
Malaysian Insider
01 November, 2012
Oleh Clara Chooi

KUALA LUMPUR, 1 Nov — Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui Datuk Seri Najib Razak merupakan pesaing politik yang sukar ditandingi, namun pemimpin Pakatan Rakyat (PR) itu berkata beliau yakin prestasi Barisan Nasional (BN) tidak akan menjadi lebih baik seperti pilihan raya 2008.

Beliau turut menjelaskan kelemahan BN terletak pada parti komponen perikatan tersebut, dan melihat kempen parti pemerintah itu hanya berkesan di kawasan milik Umno.

Kaji selidik turut menunjukkan walaupun perdana menteri kelihatan popular, kadar kepopularan berkenaan terpisah dengan kerajaan yang ditadbirnya.

“Namun mereka (BN) ada masalah ... Najib bukan bertanding semua kerusi,” kata Anwar kepada The Malaysian Insider semalam.

Sumber kerajaan sebelum ini berkata kepada The Malaysian Insider BN menjangkakan untuk memenangi lebih daripada 140 kerusi Parlimen dalam pilihan raya 2008 lalu walaupun PR yakin berjaya untuk menawan Putrajaya dalam pilihan raya umum ke-13 akan datang.

Malah, pemimpin BN turut merasakan tujuh kerusi Parlimen di Sarawak dan enam di Sabah adalah berisiko untuk jatuh ke tangan PR namun yakin kerusi di pedalaman akan tetap menjadi kubu kuat mereka.

Ada 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri dalam pilihan raya umum ke-13 akan datang.

Anwar turut berkata beliau tidak terkejut dengan keyakinan BN menghadapi pilihan raya, namun ahli Parlimen Permatang Pauh itu — yang mengatakan pilihan raya akan datang adalah yang terakhir untuknya — menjelaskan BN mungkin akan hilang beberapa kerusi kepada PR di Sabah dan Sarawak.

Malah, BN juga difahamkan akan kehilangan kerusi dimiliki empat ahli Parlimen Sabah yang telah lompat parti dan sentimen pengundi Cina bandar di Sarawak yang mula menyokong PR.

Ketika pilihan raya 2008, DAP sahaja yang berjaya memenangi kerusi untuk PR di Sabah dan Sarawak.

Ahli politik BN turut menjangkakan mereka bakal mendapatkan semula sokongan masyarakat India, yang dianggarkan berjumlah 1.7 juta, berikutan mereka telah memenuhi permintaan, malah melebihi bantuan kepada mereka.

Kebanyakan masyarakat India menyalahkan bekas Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu ekoran masalah kewangan dan kemiskinan mereka dan menjatuhkan beliau pada 2008.

Samy Vellu turut tewas di kerusinya, Sungai Siput, yang sebelum ini merupakan kubu kuat beliau.

Pemimpin BN berkata kepada The Malaysian Insider minggu ini kadar kepopularan Najib hanya turun satu peratus kepada 64 peratus pada Jun walaupun kerajaan pimpinannya menurun kepada 42 peratus pada bulan yang sama dengan penurunan mendadak dari kalangan pengundi Melayu.

Mereka turut menjelaskan populariti Najib masih kukuh walaupun PR menjelajah ke seluruh pelusuk tanah air berceramah mengkritik kerajaan dalam pelbagai isu.

Mandat BN akan tamat April 2013, dan Najib hanya mempunyai tempoh lebih kurang enam bulan sebelum pilihan raya umum dijalankan.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-najib-sukar-ditandingi-namun-yakin-bn-tidak-lebih-baik-berbanding-2008/>